

**NO. SOALAN: 61**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG**

**TARIKH : 12 JUN 2014 ( KHAMIS )**

**SOALAN :**

**Tuan Liew Chin Tong [ Kluang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah kes yang dibenarkan oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk pemintasan email, telekomunikasi dan pos mengikut pecahan ahli politik, suspek jenayah dan orang awam pada tahun 1998 hingga 2014.**

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pendakwa Raya mempunyai kuasa di bawah seksyen 116C Kanun Tatacara Jenayah untuk membenarkan pintasan komunikasi dibuat oleh pegawai polis jika Pendakwa Raya berpendapat bahawa komunikasi terbabit mungkin mengandungi apa-apa maklumat yang berhubungan dengan pelakuan suatu kesalahan. Pintasan komunikasi tersebut adalah seperti yang berikut:-
  - (a) memintas, menahan dan membuka apa-apa barang pos dalam penghantaran melalui pos;
  - (b) memintas apa-apa mesej yang dihantar atau diterima oleh apa-apa telekomunikasi; atau
  - (c) memintas, mendengar atau merekodkan apa-apa perbualan dengan telekomunikasi.
2. Peruntukan yang sama turut terkandung dalam seksyen 27A Akta Dadah Berbahaya 1952 [ Akta 234 ], seksyen 11Akta Penculikan 1961 [ Akta 365 ], seksyen 43 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [ Akta 694 ] dan seksyen 6 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [ Akta 747 ].
3. Dari tahun 2009, tiada pintasan komunikasi yang melibatkan mana-mana ahli politik. Pintasan komunikasi dipohon semasa proses

risikan dan siasatan oleh pihak polis dan penguatkuasa undang-undang yang lain. Permohonan kebiasaannya tidak merujuk kepada mana-mana subjek tertentu tetapi lebih kepada komunikasi yang perlu dipintas bagi tujuan memperoleh maklumat dan keterangan yang perlu bagi tujuan risikan dan siasatan jenayah.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 62 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 12 JUN 2014 (KHAMIS)**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH  
[ KUANTAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [ KUANTAN ] minta  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan :-**

- (a) sama ada sudah ada tindakan dan garis panduan paling bersesuaian serta berperikemanusiaan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian untuk diguna pakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan di dalam menangani masalah haiwan jalanan seperti kucing dan anjing; dan
- (b) apakah Kementerian bercadang untuk memperkenalkan pusat pemeliharaan untuk haiwan-haiwan tersebut sebagai alternatif pada langkah sedia ada.

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian belum mempunyai garis panduan untuk menangani masalah haiwan kucing terbiar. Untuk makluman, setiap garis panduan yang hendak dikeluarkan mestilah mendapat kelulusan daripada Jemaah Menteri terlebih dahulu sebelum diluluskan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT).

Bagi haiwan anjing terbiar pula, Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dibentangkan dan diluluskan dalam MNKT ke 67 yang dipengerusikan oleh YAB. Timbalan Perdana Menteri pada 4 Mac 2014.

Antara objektif SOP ini ialah untuk mewujudkan keseragaman di kalangan PBT seperti kaedah penangkapan dan pelupusan anjing terbiar tanpa ada penganiayaan di seluruh Malaysia. Antara kandungan SOP tersebut terdiri daripada:

- i) aktiviti kawalan anjing terbiar;
- ii) penangkapan;
- iii) pengurungan anjing;
- iv) tuntutan semula anjing; dan
- v) pelupusan anjing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penghasilan SOP ini adalah mengambil kira amalan penangkapan dan pelupusan anjing oleh beberapa PBT yang telah dilawati iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Kuantan, Majlis Bandaraya Alor Setar dan Majlis Perbandaran Muar.

Beberapa siri bengkel dengan pihak berkepentingan seperti Kementerian Alam Sekitar dan Kesihatan Awam (KESKA), 25 PBT dan *Society for Prevention of Cruelty to Animals* (SPCA) Selangor serta lawatan ke SPCA Sarawak. SOP ini juga merujuk kepada Garis Panduan Penangkapan dan Pelupusan Anjing terbiar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar 2008, Akta

Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Doktor Veterinar 1974 (Akta 147).

- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian belum bercadang untuk memperkenalkan pusat pemeliharaan/penjagaan haiwan-haiwan terbiar seperti anjing dan kucing sebagai alternatif kepada langkah sedia ada. Walau bagaimana pun dalam Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang dilluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) yang ke 67. Anjing akan dikurung di paun (tempat anjing) yang disediakan oleh PBT. Anjing berlesen akan dikurung selama 7 hari manakala bagi anjing yang tidak berlesen pengurungan adalah selama 2 hari daripada tarikh anjing tersebut ditangkap. Semasa dalam tempoh pengurungan anjing-anjing ini hendaklah ditempatkan di dalam tempat kurungan yang sesuai dan diberi makan dan minum. Manakala anjing yang ditangkap boleh diserahkan kepada individu atau pihak NGO yang berminat untuk dipelihara sekiranya anjing tersebut tidak dituntut dalam tempoh yang ditetapkan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2014